

Artikel Asli/Original Article

Impak Prestasi Fungsional Berkaitan Osteoarthritis Lutut terhadap Risiko Jatuh dan Hospitalisasi

Impact of Functional Performance Related to Knee Osteoarthritis on the Risk of Falls and Hospitalisation

TUAN NUR IZZATI TUAN MOHD JOHARI¹, MOHAMMAD SHAFIQ RAHMAT², SEOW SHI RUI², CHUA QI QI¹, LEE MIN LI¹, MUHAMMAD ADIB ROSKAMAL¹, SUMAIYAH MAT^{1,2*}

¹Program Fisioterapi, Fakulti Sains Kesihatan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Jalan Raja Muda Abdul Aziz, 50300 Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Malaysia

²Pusat Kajian Penuaan Sihat dan Kesejahteraan, Fakulti Sains Kesihatan, Universiti Kebangsaan Malaysia Jalan Raja Muda Abdul Aziz, 50300 Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Malaysia

*Pengarang berutusan; emel: sumaiyah.mat@ukm.edu.my

Received date: 8 January 2025

Revised date: 8 April 2025

Accepted date: 2 May 2025

ABSTRAK

Prevalen osteoarthritis (OA) lutut semakin meningkat di Malaysia. Prestasi fungsional yang lemah memberi impak yang signifikan walaupun mereka mempunyai osteoarthritis atau tidak. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti kesan prestasi fungsional yang rendah terhadap kejatuhan dan hospitalisasi dalam kalangan warga emas dengan atau tanpa osteoarthritis lutut. Kajian ini menggunakan data demografi, sejarah perubatan, antropometrik, dan sejarah kejatuhan peserta pada permulaan kajian. Ujian prestasi fizikal yang dilakukan termasuk TUG, 6MWT, 5TSTS, dan HGS. Data mengenai kejatuhan dan hospitalisasi dikumpulkan secara prospektif selepas 12 bulan melalui panggilan telefon susulan. Kajian ini melibatkan warga emas dengan dan tanpa osteoarthritis lutut masing-masing berjumlah 101 (66.9%) dan 50 (33.1%). Warga emas dengan osteoarthritis lutut mencatatkan markah yang lebih rendah dalam ujian prestasi fizikal TUG dan mempunyai risiko kejatuhan yang lebih tinggi (OR: 8.786, CI: 1.345, 57.394). Selepas diselaraskan dengan faktor gangguan potensial jantung, risiko kejatuhan pada warga emas dengan osteoarthritis lutut signifikan berkaitan dengan markah TUG yang lebih rendah (OR: 12.834, CI: 1.654, 99.562, nilai p: 0.015). Kajian ini mencadangkan bahawa warga emas dengan osteoarthritis lutut dan markah TUG yang rendah mempunyai risiko kejatuhan yang lebih tinggi. Oleh itu, rancangan rawatan komplementer boleh dilaksanakan untuk mengurangkan risiko kejatuhan dalam kalangan warga emas.

Kata Kunci: Hospitalisasi, Kejatuhan, Osteoarthritis Lutut, Prestasi Fungsional yang Lemah, Warga Emas

ABSTRACT

The prevalence of knee osteoarthritis (OA) is on the rise in Malaysia. Poor functional performance significantly impacts individuals, regardless of whether they have osteoarthritis. This study aimed to examine how low functional performance affects the risk of falls and hospitalisations among elderly individuals with or without knee osteoarthritis. Demographic data, medical history, anthropometric measurements, and fall history were collected at the start of the study. Physical performance tests conducted included TUG, 6MWT, 5TSTS, and HGS. Follow-up phone calls were made 12 months later to gather data on falls and hospitalisations. The study included 101 elderly individuals with knee osteoarthritis (66.9%) and 50 without (33.1%). Those with knee osteoarthritis had lower scores on the TUG test and a higher risk of falling (OR: 8.786, CI: 1.345, 57.394). After adjusting for potential confounders like gender, the risk of falls among elderly individuals with knee osteoarthritis was strongly associated with lower TUG scores (OR: 12.834, CI: 1.654, 99.562, p-value: 0.015). The findings suggest that elderly individuals with knee osteoarthritis and lower TUG scores are at greater risk of falling, highlighting the need for complementary treatment plans to reduce fall risk in this population.

Keywords: Elderly, Falls, Hospitalisation, Knee osteoarthritis, Poor functional performance

PENGENALAN

Organisasi Kesehatan Sedunia (WHO) melaporkan lebih daripada 343 juta individu terkesan oleh pelbagai bentuk osteoarthritis (OA). Selain itu, kejadian OA didapati lebih tinggi dalam kalangan wanita berbanding lelaki (Pierluigi Sinatti et al. 2022). Menurut Kajian Beban Penyakit Global 2010, dianggarkan bahawa sejumlah 251 juta individu di seluruh dunia kini mengalami OA lutut (Vos et al. 2012). Satu kajian menunjukkan negara Asia mempunyai prevalen radiografi OA lutut yang tinggi berbanding negara-negara Barat yang mungkin disebabkan oleh faktor jongket, dimana ketidakseimbangan biomekanik menyebabkan tekanan berlebihan, faktor genetik, atau alam sekitar (Adouni et al. 2024; Cui et al. 2020). Dalam kajian yang sama, prevalen radiografi OA lutut asimptomatik didapati lebih tinggi daripada OA lutut yang simptomatik, iaitu masing-masing 28.7% dan 12.4% (Cui et al. 2020). Kajian Malaysian Elders Longitudinal Research (MELoR) baru-baru ini melaporkan bahawa hampir 27% orang dewasa yang lebih tua mengalami gejala OA lutut (Mat et al. 2019).

OA lutut merujuk kepada penyakit sendi degeneratif yang mempengaruhi lutut, biasanya berkembang akibat penurunan beransur-ansur dan kehilangan kartilaj artikular akibat haus dan luka, yang paling kerap diperhatikan pada warga emas (Hsu & Siwiec 2022). Manifestasi klinikal OA lutut termasuk gejala seperti sakit, kekakuan, pembengkakan sendi, crepitus (sensasi retakan atau geseran), pergerakan sendi yang berkurang, dan boleh menyebabkan kecacatan (Alghadir et al. 2019).

Fungsi fizikal merujuk kepada keupayaan untuk melakukan tugas dan aktiviti fizikal (Sousa et al. 2022). Kecergasan fizikal melibatkan pelbagai aspek seperti kekuatan otot, ketahanan, keanjalan, dan lain-lain manakala kecergasan fungsional berkaitan dengan keupayaan individu untuk melibatkan diri dalam aktiviti kehidupan harian (ADL) dengan berkesan (Cheng et al. 2021; Jones & Rikli 2002). ADL merujuk kepada tugas-tugas asas yang perlu dilakukan individu dalam kehidupan harian mereka dan berfungsi sebagai petunjuk penting terhadap status kesihatan warga emas (Gao et al. 2022). Status fungsi fizikal pula mencerminkan keupayaan warga emas untuk menjalankan aktiviti harian dengan berjaya di rumah dan di dalam komuniti mereka (Sousa et al. 2022).

Satu kajian yang menunjukkan bahawa warga emas wanita dengan OA lutut mempunyai langkah yang lebih perlahan dan mengambil masa lebih lama untuk menyelesaikan ujian TUG berbanding warga emas wanita tanpa OA lutut (Santos et al. 2020). Menurut Ekediegwu (2022) masa yang lebih lama untuk menyelesaikan ujian TUG menunjukkan

kehadiran ketakutan terhadap jatuh, yang boleh menjejaskan prestasi fungsional fizikal.

Keseimbangan yang tidak stabil dan kejatuhan memberikan cabaran yang signifikan kepada warga emas, yang boleh membawa kepada masalah klinikal yang serius. Kejatuhan juga menjadi penyumbang terbesar kepada kematian dalam kalangan warga emas (Grossman et al. 2018). Selain itu, kejatuhan boleh menyebabkan ketidakupayaan, yang mengurangkan prestasi fungsional fizikal, meningkatkan risiko kematian, dan mempercepatkan penempatan awal di rumah penjagaan (Xing et al. 2023). Cedera tidak disengajakan akibat kejatuhan adalah antara lima punca utama kematian dalam kalangan warga emas (Rubenstein, 2006). Hospitalisasi pula merupakan salah satu faktor yang menyumbang kepada penurunan fungsi dalam menjalankan ADL. Satu daripada tiga warga emas yang dihospitalisasi akan mengalami kecacatan dalam menjalankan ADL (Bastiaan Van Grootven et al. 2020). Ketidaktifan fizikal dikenal pasti sebagai faktor utama yang menyumbang kepada penurunan fungsi selepas hospitalisasi dalam warga emas (Kortebein et al. 2008). Dari segi mortaliti, warga emas yang berupaya secara fizikal tetapi menunjukkan prestasi "rendah" dalam ujian kecergasan fizikal dan fungsional menghadapi risiko kematian yang lebih tinggi berbanding mereka yang mempunyai prestasi "biasa" atau "tinggi" (Molari et al. 2021). Kajian menunjukkan bahawa penyertaan dalam aktiviti fizikal sepanjang hayat warga emas berkait rapat dengan penurunan prestasi fizikal, serta risiko yang lebih rendah terhadap masalah mobiliti dan kematian awal pada usia tua. Oleh itu, mendukung aktiviti fizikal sepanjang semua peringkat kehidupan adalah penting dalam mengekalkan fungsi fizikal apabila individu semakin menua (Stenholm et al. 2015).

Prestasi fungsional yang lemah dalam kalangan individu berumur 50 tahun dan ke atas, sama ada dengan atau tanpa OA lutut, memberi kesan yang ketara terhadap kualiti hidup mereka. Walaupun terdapat beberapa kajian yang menyelidiki hubungan antara prestasi fungsional yang lemah dan OA lutut dalam kalangan warga emas, kajian penelitian secara mendalam impak prestasi fungsional yang lemah terhadap kejatuhan, dan hospitalisasi dalam kalangan individu berumur 50 tahun dan ke atas dengan dan tanpa OA lutut masih terhad. Selain itu, kebanyakan kajian yang ada lebih banyak dijalankan di negara Barat, dengan kurang perhatian diberikan kepada negara Asia. Oleh itu, adalah penting untuk menjalankan kajian lebih mendalam mengenai kesan-kesan ini.

TINJAUAN LITERATUR

KESAN PRESTASI FUNGSIONAL YANG LEMAH PADA WARGA EMAS DENGAN OA LUTUT TERHADAP KEJATUHAN

Satu kajian menunjukkan bahawa tanpa mengira faktor risiko yang diketahui, individu yang didiagnosa OA pinggul atau lutut yang bergejala menghadapi risiko yang lebih tinggi untuk mengalami kejatuhan (Zhang et al. 2023). Gejala-gejala OA lutut yang teruk, seperti sakit, kekakuan, penurunan keupayaan fizikal, dan kelemahan otot yang berkurangan, memberi kesan buruk kepada kualiti hidup pesakit dan meningkatkan kerentanan mereka terhadap kejatuhan (Ooi et al. 2021). Perbezaan jantina membawa kepada ukuran hasil osteoarthritis lutut yang berbeza, dimana wanita mempunyai risiko jatuh berulang yang lebih tinggi berbanding lelaki (Tschon et al. 2023). Dalam kalangan lelaki warga emas, jatuh terutamanya dikaitkan dengan prestasi fizikal dan penggunaan ubat, manakala dalam kalangan wanita warga emas, status pemakanan, kebergantungan kepada aktiviti harian kompleks, dan penyakit kronik merupakan faktor utama. Kebergantungan kepada ADL, prestasi fizikal, dan kemurungan pula dikaitkan dengan risiko jatuh dalam kedua-dua kumpulan jantina, mencerminkan interaksi kompleks faktor biopsikososial (Suh et al. 2023).

KESAN PRESTASI FUNGSIONAL YANG LEMAH PADA WARGA EMAS TERHADAP HOSPITALISASI

Hospitalisasi merupakan salah satu punca penurunan fungsi dalam menjalankan ADL (Bastiaan Van Grootven et al. 2020). Antara faktor yang menyumbang kepada penurunan fungsi selepas hospitalisasi dalam kalangan warga emas adalah ketidakaktifan fizikal (Morisawa et al. 2022; Ohtsubo et al. 2022). Kecacatan dalam fungsi mungkin meningkatkan risiko warga emas yang dihospitalisasi untuk dikaitkan dengan komplikasi lain (Schattner, 2023).

Impak prestasi fungsional yang lemah dalam kalangan warga emas terhadap kejatuhan dan hospitalisasi memerlukan perhatian yang serius. Jangka hayat warga emas boleh dipertingkatkan dengan mengurangkan kadar kejatuhan dan hospitalisasi.

Namun, kebanyakan kajian terdahulu hanya meneliti kesan prestasi fungsional yang lemah dengan dalam kalangan pengidap OA lutut terhadap kejatuhan dan kualiti hidup. Hanya terdapat beberapa kajian mengenai kesan prestasi fungsional yang lemah dalam kalangan warga emas sama ada dengan dan tanpa OA lutut, terhadap kejatuhan dan hospitalisasi. Selain itu, terdapat kesenjangan kajian mengenai kesan prestasi fungsional yang lemah terhadap hospitalisasi di kalangan warga emas dengan dan tanpa OA lutut. Oleh itu, kajian ini akan

memberi tumpuan kepada kesan prestasi fungsional yang lemah di kalangan warga emas dengan dan tanpa OA lutut, terhadap kejatuhan dan hospitalisasi. Penemuan kajian ini boleh menyokong penilaian awal untuk risiko jatuh dan hospitalisasi di kalangan warga emas, penerapan ke dalam pendidikan awam dan model penjagaan pelbagai disiplin geriatrik.

METODOLOGI DAN KAWASAN KAJIAN

PENGUMPULAN DATA

Kajian ini adalah kajian prospektif dengan reka bentuk kajian 1 tahun dengan kajian lanjutan melalui telefon bagi mengkaji kesan prestasi fungsional yang lemah di kalangan warga emas dengan dan tanpa OA lutut terhadap kejatuhan, hospitalisasi, dan kematian di Malaysia. Penilaian bagi kajian ini dilakukan secara fizikal di komuniti dan melalui temu bual telefon yang memerlukan alat dan peralatan yang tidak berharga, mudah alih, dan tidak teknikal. Semua peserta diberikan borang persetujuan untuk diisi selepas menerima penjelasan terperinci mengenai tujuan kajian. Etika penyelidikan telah diterapkan dan diluluskan Jawatankuasa Etika Penyelidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM/PPI/111/8/JEP-2020-001).

Populasi kajian yang dipilih adalah individu berumur 50 tahun dan ke atas yang mempunyai mobiliti bebas yang tinggal di Kuala Lumpur, Selangor, dan Putrajaya. Sampel mudah dipilih digunakan dalam kajian ini. Peserta dipilih secara ketat berdasarkan kriteria inklusi dan eksklusi.

Kriteria inklusi adalah Warganegara Malaysia berumur 50 tahun dan ke atas, mampu berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris atau Bahasa Melayu, dengan atau tanpa OA lutut, mampu bergerak secara bebas, dan mempunyai kapasiti mental untuk mengikuti arahan dan memberi persetujuan. OA lutut ditakrifkan sebagai mempunyai sejarah perubatan OA atau berdasarkan kriteria klinikal (Altman et al. 1986). Kriteria pengecualian pula melibatkan mereka yang telah menjalani penukaran separa atau penukaran total bagi mereka yang mempunyai osteoarthritis lutut, mempunyai penyakit serius termasuk penyakit jantung, paru-paru, buah pinggang, kanser, penyakit otak, dan sebarang gangguan neurologi seperti strok, demensia, dan penyakit Parkinson. Selain itu, individu dengan kekurangan kognitif yang teruk yang disahkan oleh pegawai perubatan, mempunyai masalah muskuloskeletal yang signifikan seperti arthritis inflamasi, gout, osteoporosis teruk, neuropati periferi, atau fibromyalgia juga dikecualikan.

Untuk pengiraan saiz sampel, populasi diambil daripada populasi wakil warga emas. Formula yang digunakan adalah mengikut Cochran (1977): $n =$

$z_{pq/e2}$ di mana n adalah saiz sampel, z adalah nilai kritikal yang dipilih bagi aras keyakinan yang dikehendaki, p adalah perkiraan proportion sifat yang ada dalam populasi, $q = 1 - p$ dan e adalah aras ketepatan yang dikehendaki. Dengan mengandaikan keragaman maksimum yang sama dengan 50% ($p=0.5$) dan mengambil aras keyakinan dengan ketepatan $\pm 5\%$, saiz sampel yang diperlukan adalah 384.

TEMU BUAL DAN PENGUKURAN

Peserta kemudian menjalani satu sesi temu bual bersemuka yang merangkumi penerangan mengenai kajian, lembaran maklumat dan soal selidik. Dalam temu bual tersebut, data demografi peserta dikumpulkan. Seterusnya, peserta menjalani penilaian objektif yang melibatkan pengukuran antropometrik dan ukuran prestasi fizikal. Untuk pengumpulan data lanjutan, selepas satu tahun, peserta dihubungi melalui panggilan telefon mengenai soal selidik kejatuhan dan hospitalisasi. Bagi ukuran prestasi fizikal, ujian pertama adalah kekuatan cengkaman tangan (HGS) untuk menilai kekuatan dan fungsi otot tangan dan lengan bawah. Ujian ini dilakukan menggunakan dinamometer tangan. Semasa ujian, peserta diminta untuk duduk tegak dengan kaki menyentuh lantai dan tidak bersandar pada sandaran belakang. Siku mereka harus diletakkan ditebuk pada sudut 90 darjah dengan pergelangan tangan dalam posisi neutral. Peserta memegang dinamometer dengan jari-jari mereka menggenggam erat pegangan dan menekan sekuat mungkin selama 3 saat. Bacaan kontraksi maksimum (dalam kg) direkodkan. Ujian diulang 3 kali pada setiap tangan, menghasilkan enam bacaan secara keseluruhan. Bacaan tertinggi daripada enam pengukuran digunakan untuk analisis (Clovis et al. 2022; Cruz-Jentoft et al. 2018).

Seterusnya, Timed Up and Go (TUG) digunakan untuk menilai risiko kejatuhan dan keseimbangan dinamik. Ujian ini bermula dengan peserta duduk di kerusi dengan kaki rata di lantai, sementara sebuah kon diletakkan 3 meter di hadapan kerusi. Peserta diberi arahan untuk bangun bangun dari kerusi selepas mendengar isyarat 'GO', berjalan dengan kelajuan biasa ke arah kon, membuat pusingan U dan kembali duduk di kerusi. Masa yang diambil untuk menyelesaikan tugas direkodkan, dan ujian dilakukan sebanyak 3 kali dan purata diambil untuk dianalisis (Nightingale et al. 2019).

Ujian Jalan 6 Meter (6MWT) pula mengukur kelajuan berjalan. Peserta diarahkan untuk berjalan pada kelajuan selesa sepanjang laluan jalan 6 meter. Masa diambil apabila peserta melintasi penanda melintasi garis akhir. Ujian ini dilakukan hanya sekali dan kelajuan (m/s) dikira dan direkodkan (Peters et al. 2013).

Ujian 5 Kali Duduk Berdiri (5TSTS) pula menilai kekuatan otot bahagian bawah badan yang

terlibat dalam gerakan fungsional. Peserta diminta untuk bangun dan duduk lima kali berturut-turut dengan secepat dan selamat mungkin setelah mendengar isyarat "GO." Pengiraan masa bermula pada saat isyarat diberikan dan berhenti apabila peserta menyelesaikan ulangan kelima dan mencapai posisi berdiri sepenuhnya. Ujian ini dilakukan sebanyak tiga kali, dan masa purata dari ketiga-tiga percubaan diambil sebagai hasil akhir (Amano & Suzuki 2018).

ANALISIS DATA

Untuk menganalisis semua hasil, Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) versi 5.0 digunakan. Untuk menganalisis pembolehubah kategorikal, ciri-ciri peserta diukur menggunakan nilai min (Sisihan Piawai) atau bilangan (Peratusan). Nisbah dan min diuji untuk mengenal pasti OA lutut. Ujian Chi-Squared digunakan untuk membandingkan prestasi fungsional yang lemah pada kejatuhan dan hospitalisasi di kalangan peserta dengan dan tanpa OA lutut. Selain itu, Model Regresi Logistik Berganda digunakan untuk menetapkan hubungan antara warga emas dengan atau tanpa OA lutut dan kadar prestasi fungsional. Model juga menilai hubungan antara kehadiran OA lutut dan pembolehubah di atas (HGS, TUG, 5TSTS, 6MWT, risiko jatuh dan bilangan hospitalisasi).

KAWASAN KAJIAN

Peserta direkrut secara fizikal dari Klinik Utama HCTM UKM serta komuniti di Kuala Lumpur, Selangor, dan Putrajaya, melibatkan warga emas dengan dan tanpa OA lutut.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

CIRI -CIRI PESERTA

Kajian prospektif ini pada awalnya melibatkan jumlah keseluruhan 474 peserta. Walau bagaimanapun, 74 peserta menarik diri dari kajian di pertengahan kajian. Selain itu, selepas satu tahun, hanya 151 peserta yang masih kekal kerana 200 daripada mereka tidak menerima panggilan telefon susulan. Carta aliran yang menunjukkan bilangan peserta dari permulaan kajian hingga susulan setahun ditunjukkan dalam Rajah 1. Data demografi dan ciri-ciri peserta diperincikan dalam Jadual 1. Dari semua peserta yang dinilai, 101 peserta (66.9%) diklasifikasikan sebagai dengan OA, manakala 50 peserta (33.1%) tidak mengalami OA. Kebanyakan peserta terdiri daripada wanita (66.2%), bangsa Melayu (58.3%) dan sudah berkahwin (63.6%). Dalam kalangan peserta, 47.7% yang menghadapi penyakit darah tinggi, 58.3% untuk kolesterol tinggi, dan 33.8% menghadapi diabetes. Panggilan telefon dilakukan kepada

peserta selepas satu tahun, dan didapati bahawa 13.2% peserta mempunyai sejarah kejatuhan dan 6.6% mempunyai sejarah hospitalisasi.

PERBEZAAN DEMOGRAFI DAN KLINIKAL MENURUT PRESTASI FIZIKAL DAN STATUS OA LUTUT

Ujian prestasi fizikal dalam kajian ini melibatkan empat ukuran hasil iaitu Timed Up and Go (TUG), Gait Speed (GS), 5 Times Sit to Stand (5TSTS), dan Hand Grip Strength (HGS). Di kalangan peserta yang mengalami OA lutut, sebanyak 95.0% menunjukkan skor normal dalam TUG (<13s), 79.2% dalam 5TSTS (<11.4s), 85.1% dalam GS (<1.3 m/s), dan 69.3% dalam HGS (>32 kg untuk lelaki dan >19 kg untuk perempuan).

PERBEZAAN DEMOGRAFI DAN KLINIKAL BAGI OA LUTUT DAN TUG

Perbezaan demografi dan klinikal bagi OA lutut dan TUG adalah seperti di Jadual 2. Peserta yang mengalami OA lutut dan memperoleh skor normal dalam TUG mempunyai purata umur $\pm$ SD sebanyak 66.03 $\pm$ 5.37 manakala bagi peserta tanpa OA lutut ialah 65.70 $\pm$ 5.78. Majoriti peserta dengan OA lutut dan mendapat skor normal dalam TUG adalah wanita (77.1%), Melayu (58.3%), berkahwin (60.4%), tinggal bersama keluarga (77.1%), menghadapi hiperlipidemia (58.9%), dan mempunyai berat badan berlebihan (40.2%). Berdasarkan data panggilan telefon susulan, 14.6% peserta dengan OA lutut dan skor normal dalam TUG melaporkan sejarah kejatuhan dalam tempoh 12 bulan yang lalu, manakala 5.2% daripada peserta tersebut mempunyai sejarah hospitalisasi.

PERBEZAAN DEMOGRAFI DAN KLINIKAL BAGI OA LUTUT DAN GS

Perbezaan demografi dan klinikal antara peserta dengan OA lutut dan hasil GS adalah seperti di Jadual 3. Peserta yang mengalami OA lutut dan memperoleh skor normal dalam GS mempunyai purata umur $\pm$ SD sebanyak 66.05 $\pm$ 5.51, manakala peserta tanpa OA lutut mempunyai purata umur 66.57 $\pm$ 6.16. Majoriti peserta dengan OA lutut dan mendapat skor normal dalam GS adalah wanita (77.5%), Melayu (55.0%), berkahwin (60.0%), tinggal bersama keluarga (75.0%), menghadapi hiperlipidemia (60.8%), dan mengalami berat badan berlebihan (40.2%). Berdasarkan data panggilan telefon susulan, 13.8% peserta dengan OA lutut dan skor normal dalam GS melaporkan sejarah kejatuhan dalam tempoh 12 bulan yang lalu, manakala 5.0% daripada peserta tersebut mempunyai sejarah hospitalisasi.

PERBEZAAN DEMOGRAFI DAN KLINIKAL BAGI OA LUTUT DAN 5TSTS

Perbezaan demografi dan klinikal antara peserta dengan OA lutut dan 5TSTS adalah seperti di Jadual 4. Peserta yang mengalami OA lutut dan memperoleh skor normal dalam 5TSTS mempunyai purata umur $\pm$ SD sebanyak 65.95 $\pm$ 5.37 manakala bagi peserta tanpa OA lutut ialah 67.33 $\pm$ 5.39. Majoriti peserta dengan OA lutut yang mencapai skor normal dalam 5TSTS adalah wanita (75.6%), Melayu (57.0%), berkahwin (60.5%), tinggal bersama keluarga (77.9%), menghadapi hiperlipidemia (56.5%), dan mengalami berat badan berlebihan (39.8%). Berdasarkan data panggilan telefon susulan, 14.0% peserta dengan OA lutut dan skor normal dalam 5TSTS melaporkan sejarah kejatuhan dalam tempoh 12 bulan yang lalu, manakala 5.8% daripada mereka mempunyai sejarah hospitalisasi.

PERBEZAAN DEMOGRAFI DAN KLINIKAL BAGI OA LUTUT DAN HGS

Perbezaan demografi dan klinikal bagi OA lutut dan HGS adalah seperti dalam Jadual 5. Peserta yang mengalami OA lutut dan memperoleh skor normal dalam HGS mempunyai purata umur $\pm$ SD sebanyak 64.99 $\pm$ 5.03 manakala bagi peserta tanpa OA lutut ialah 68.81 $\pm$ 5.26. Majoriti peserta dengan OA lutut dan mendapat skor normal dalam TUG adalah wanita (78.6%), Melayu (51.4%), berkahwin (58.6%), tinggal bersama keluarga (78.5%), menghadapi hiperlipidemia (58.0%), dan mengalami berat badan berlebihan (36.8%). Data dari panggilan telefon susulan menunjukkan bahawa 14.3% peserta dengan OA lutut yang memperoleh skor normal dalam TUG melaporkan sejarah kejatuhan dalam tempoh 12 bulan yang lalu, sementara 7.1% daripada mereka mempunyai sejarah hospitalisasi.

HUBUNGAN ANTARA RISIKO JATUH, HOSPITALISASI DENGAN PRESTASI FIZIKAL DAN STATUS OA LUTUT

Jadual 6 menunjukkan hubungan antara risiko jatuh dan prestasi fizikal serta status OA lutut, manakala Jadual 7 menunjukkan hubungan antara risiko jatuh, prestasi fizikal dan status OA secara keseluruhan. Warga emas dengan OA yang memperoleh skor melebihi 13s dalam ujian prestasi fizikal TUG mempunyai risiko jatuh yang lebih tinggi (OR: 8.786, CI: 1.345, 57.394). Setelah mengambil kira pemboleh ubah kekeliruan yang berpotensi seperti jantina, risiko jatuh dalam kalangan warga emas dengan OA adalah signifikan dengan skor TUG >13s (OR: 12.834, CI: 1.654, 99.562, nilai p: 0.015). Tiada hubungan yang signifikan antara risiko jatuh dalam golongan warga tua dengan OA yang mendapat skor lebih tinggi dalam ujian prestasi

fizikal lain seperti 5TSTS, GS, dan HGS (nilai $p > 0.05$) walaupun setelah jantina diselaraskan. Risiko hospitalisasi di kalangan warga tua dengan dan tanpa OA dan yang mendapat skor lebih tinggi dalam keempat-empat ujian prestasi fizikal tidak signifikan walaupun selepas jantina diselaraskan.

PERBINCANGAN

Kajian ini menunjukkan hubungan yang signifikan antara prestasi fungsi fizikal dalam kalangan warga emas dengan OA lutut dengan kejadian jatuh. Walau bagaimanapun, tiada hubungan signifikan antara prestasi fungsi fizikal dalam kalangan warga emas dengan atau tanpa OA lutut dengan hospitalisasi.

Hasil kajian ini mendapati bahawa hubungan yang signifikan antara prestasi fizikal yang rendah, terutamanya seperti yang diukur oleh ujian TUG, dan risiko jatuh di kalangan individu warga emas yang menghidap OA. Khususnya, mereka yang menghidap OA dan mendapat skor >13 s dalam ujian TUG menunjukkan risiko jatuh yang lebih tinggi secara signifikan. Tambahan pula, setelah mengambil kira pembolehubah gangguan yang berpotensi seperti jantina, hubungan ini masih kekal signifikan. Analisis tidak mendedahkan hubungan yang signifikan antara prestasi yang lemah dalam ujian fizikal lain (5TSTS, GS, dan HGS) dan risiko jatuh di kalangan individu warga emas yang menghidap OA, walaupun setelah menyesuaikan mengikut jantina. Selain itu, kajian ini juga tidak menemui hubungan yang signifikan antara prestasi fizikal yang lemah, seperti yang diukur oleh mana-mana daripada empat ujian, dan risiko hospitalisasi di kalangan individu warga emas dengan dan tanpa OA, walaupun selepas menyesuaikan mengikut jantina. Penemuan ini menunjukkan bahawa walaupun prestasi fizikal yang lemah mungkin berkaitan dengan peningkatan risiko jatuh, mungkin tidak semestinya berterjemah kepada risiko hospitalisasi yang lebih tinggi.

Warga emas lebih cenderung jatuh atas pelbagai sebab seperti meredup, tangga, dan lipatan karpet. Namun, kejadian jatuh lebih kerap berlaku pada warga emas yang mengalami prestasi fizikal yang lemah kerana mereka akan mengalami kehilangan kekuatan otot dan keanjalan, menjadikannya lebih mencabar untuk mengekalkan keseimbangan dan kestabilan. Oleh itu, prestasi fizikal yang lemah merupakan faktor risiko yang diketahui bagi jatuh dan berkaitan dengan penurunan kualiti dan kuantiti otot (Yamada et al. 2022). Kajian terdahulu juga menunjukkan bahawa masalah keseimbangan dan kelemahan otot kaki adalah faktor utama yang menyumbang kepada jatuh dalam kalangan warga emas (Pieper et al. 2014). Penurunan kekuatan otot dan koordinasi, serta kehilangan keyakinan dalam langkah dan keseimbangan, adalah sebahagian daripada penurunan fizikal yang biasa dialami oleh

warga emas (Thomas et al. 2019, Nascimento et al. 2022)

Kajian terdahulu menunjukkan bahawa TUG dan 5TSTS adalah penilaian yang boleh dipercayai untuk mengukur keseimbangan dinamik dalam kalangan warga emas serta meramalkan risiko jatuh (Pieper et al. 2014). Dalam kajian oleh Marjan Arvandi dan rakannya, mereka mendapati bahawa warga emas dengan markah kekuatan cengkaman tangan yang tinggi mengalami kejadian jatuh. Oleh itu, kekuatan cengkaman yang rendah dikaitkan dengan risiko jatuh yang lebih tinggi di kalangan orang tua (Strasser, 2018). Selain itu, penurunan kelajuan berjalan juga dikaitkan dengan risiko jatuh di kalangan warga emas, sama ada mereka mengalami gangguan kognitif ringan atau tidak (Adam et al. 2023). Namun, dapatan kajian kami berbeza daripada kajian terdahulu, kerana hanya TUG yang memberikan hasil yang signifikan secara statistik. Ini membawa kepada kesimpulan bahawa warga emas yang berprestasi baik dalam ujian TUG menunjukkan risiko jatuh yang berkurangan. Oleh itu, berdasarkan dapatan kami, kami menegaskan bahawa ujian TUG muncul sebagai ukuran yang paling utama dan boleh dipercayai untuk meramalkan risiko jatuh.


Data dari panggilan telefon susulan menunjukkan bahawa 5.9% daripada peserta dengan OA lutut dan 8.0% untuk peserta tanpa OA lutut melaporkan sejarah hospitalisasi dalam 12 bulan lepas. Walau bagaimanapun, tempoh tindak balas satu tahun melalui panggilan telefon mungkin tidak mencukupi untuk mengumpul data hospitalisasi yang komprehensif. Oleh itu, bagi penyelidikan masa depan, disarankan agar tempoh merekrut peserta dan panggilan tindak balas dipanjangkan sehingga lima tahun, untuk menghasilkan data hospitalisasi yang lebih komprehensif dan tepat.

Kajian terdahulu telah mendapati bahawa individu yang dengan OA lutut simptomatik mengalami kesakitan dan kekakuan sendi, yang menyebabkan penurunan fungsi fizikal (Cuevas-Trisan, 2017). Dalam satu kajian terdahulu, didapati bahawa majoriti individu warga emas yang mengalami OA lutut, yang mengalami kesakitan dan kekakuan sendi, cenderung untuk mengelakkan melibatkan diri dalam aktiviti fizikal kerana ketakutan insiden jatuh. Tingkah laku mengelak ini boleh menyebabkan penurunan keyakinan diri, atrofi otot yang ketara, masalah keseimbangan, gangguan dalam langkah, had pengendalian aktiviti harian, dan perubahan dalam keadaan fizikal. Secara kolektif, faktor-faktor ini boleh meningkatkan risiko jatuh dalam kalangan demografi ini (Rakhmad Rosadi et al. 2022).

Namun, kajian ini mempunyai beberapa kelemahan. Pertama, saiz sampel adalah terhad kerana kesukaran untuk menghubungi ramai peserta untuk panggilan tindak balas selepas satu tahun. Selain itu, bilangan peserta yang melaporkan sejarah

